

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

SOALAN : 14

Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah kemalangan di musim perayaan untuk jalan Gua Musang-Kuala Krai dan Kuala Krai-Kota Bharu. Adakah Kerajaan bersetuju antara punca kemalangan ini diakibatkan oleh jalan raya yang sempit dan tidak lagi mampu menampung jumlah kenderaan yang banyak setiap kali musim perayaan.

JAWAPAN

Ahli Yang Berhormat,

Berdasarkan laporan yang dikemukakan oleh Jabatan Siasatan dan Penguatkuasaan Trafik, PDRM Bukit Aman **sepanjang tempoh OP BERSEPADU** yang telah dijalankan mulai 8 Jun 2018 hingga 22 Jun 2018, jumlah kemalangan jalan raya di **musim perayaan** bagi jalan **Kota Bharu - Machang - Kuala Krai - Gua Musang** adalah seperti berikut :

JENIS KEMALANGAN	KOTA BHARU	MACHANG	KUALA KRAI	GUA MUSANG
Kemalangan Maut	1	2	2	4
Kemalangan Cedera Parah	0	1	0	0
Kemalangan Cedera Ringan	1	26	12	0
Kenderaan rosak Sahaja	43	13	48	64
JUMLAH	45	42	62	68

JUMLAH KEMATIAN	KOTA BHARU	MACHANG	KUALA KRAI	GUA MUSANG
Jumlah kematian	2	3	3	6

Dalam hubungan ini, Kementerian Pengangkutan mendapati bahawa faktor jalan raya yang sempit bukanlah merupakan penyumbang utama kepada kemalangan jalan raya. Berdasarkan kepada pemerhatian dan data-data kemalangan, terdapat faktor-faktor lain yang menyumbang kepada kemalangan iaitu :

- (i) Terbabas Sendiri (penyumbang utama kemalangan maut, 142 daripada 235 kemalangan maut yang berlaku sepanjang Op Bersepadu seluruh Malaysia)
- (ii) masuk laluan bertentangan;
- (iii) cubaan memeotong kenderaan /tukar lorong yang gagal; dan
- (iv) membuat pusingan U di tempat yang tidak dibenarkan;